



Headline: Guru wanita rugi RM118,000 ditipu Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian

Section: Nasional

Date: 17 January 2022

Page: 17

Guru wanita rugi RM118,000 ditipu Macau Scam

Mangsa buat pinjaman, gadaai barang kemas selepas panik dihubungi wakil syarikat insurans

Oleh Melvin Joni
bhnews@bh.com.my

Sibu: Seorang guru wanita sanggup berhutang serta menggadaikan barang kemasnya, selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam, sehingga menyebabkannya kerugian RM118,000.

Pemangku Ketua Polis Daerah Sibu, Superintendan Collin Babat, berkata mangsa berusia 58 tahun itu dihubungi suspek pada 28 Oktober tahun lalu, yang memperkenalkan dirinya sebagai wakil syarikat insurans.

Katanya, suspek memberitahu mangsa pernah membuat tuntutan insurans sebanyak empat kali, namun dinafikan wanita terbabit.

Beliau berkata, suspek menggunakan taktik untuk meyakinkan mangsa dengan menyambungkan taliannya kepada seorang 'polis' kononnya berpangkat Inspektor dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman yang memaklumkan guru itu terbabit dengan pengubahan wang haram sebanyak RM1.8 juta.

Collin berkata, mangsa panik dan dihubungi seseorang memperkenalkan diri sebagai peguam dan menawarkan khidmat untuk menyelesaikan masalahnya itu.

"Mangsa dinasihatkan membuka satu akaun bank baru dan seterusnya diminta untuk menyerahkan gambar kad pengeluaran wang automatik dan nombor pin kepada suspek pada 7 November 2021.

"Disebabkan bimbang dan panik, mangsa mengikut semua arahan diberikan suspek," kata-

nya dalam kenyataan, semalam.

Collin berkata, mangsa membuat pinjaman bank RM75,000 diluluskan pada 15 November lalu, pada hari sama, memindahkan semua wang berkenaan ke akaun bank barunya itu.

Selain itu, beliau berkata, mangsa juga memindahkan wang berjumlah RM27,000 yang dipinjamnya dari sebuah lagi bank, dua hari kemudian.

Malah, katanya, suspek turut mengarahkan mangsa menggadaikan barang kemas bernilai RM20,000 dan memindahkan RM16,000 ke akaun bank berkenaan pada 16 November 2021.

"Mangsa diarahkan tidak memaklumkan kepada sesiapa dan membuang semua dokumen transaksi sehinggalah beliau mencepitkan perkara itu kepada suaminya yang kemudian barulah sedar ditipu," katanya.

Beliau berkata, mangsa kini terpaksa menanggung beban tambahan untuk membayar balik pinjaman wang peribadi yang dibuat.